NOTIS PRIVASI

Di Liberty General Insurance Berhad, kami menghargai privasi anda dan berusaha untuk melindungi maklumat peribadi anda selaras dengan undang-undang Malaysia.

Kami hanya akan mengumpul dan menggunakan maklumat peribadi anda selaras dengan undang-undang dan peraturan tersebut (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Kod Amalan Industri Insurans), Notis Privasi ini dan terma privasi dalam mana-mana perjanjian yang telah dan/atau akan anda meterai dengan Liberty General Insurance Berhad.

Notis Privasi ini menerangkan:

- Jenis maklumat peribadi yang kami kumpul dan cara kami mengumpulnya;
- Cara kami menggunakan maklumat peribadi anda;
- Pihak-pihak yang kepadanya kami mendedahkan maklumat peribadi;
- Pilihan yang kami tawarkan, termasuk cara untuk mengakses dan mengemas kini maklumat peribadi anda; dan/atau
- Penyimpanan dan keselamatan maklumat peribadi anda.

Bagi mengelakkan keraguan, Notis Privasi ini hanya terpakai sekiranya anda merupakan seorang individu.

Bagi tujuan Notis Privasi ini, sila ambil perhatian bahawa:

- *"Maklumat/data peribadi" merujuk kepada apa-apa maklumat yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan anda dan/atau urus niaga anda dengan kami. Maklumat ini termasuk nama, alamat, pekerjaan, butiran hubungan, butiran akaun anda, jenis produk dan/atau perkhidmatan yang dilanggan serta apa-apa maklumat lain yang diperlukan berkenaan diri anda dan urus niaga anda dengan kami, dan termasuk maklumat peribadi sensitif. Maklumat peribadi juga merujuk kepada maklumat lokasi anda, maklumat peranti, lokasi GPS dan maklumat lain yang diperoleh semasa interaksi anda dengan kami, sama ada secara fizikal atau melalui saluran digital, termasuk aplikasi mudah alih.*
- *"Maklumat/data peribadi sensitif" merujuk kepada maklumat yang berkaitan dengan kesihatan, pendapat politik, kepercayaan agama, data biometrik dan sebagainya.*
- *"Pihak lain yang diinsuranskan" merujuk kepada pihak yang diinsuranskan bersama dengan anda dan/atau individu lain yang untuknya anda mungkin membeli produk dan/atau perkhidmatan kami, contohnya anak-anak atau pekerja anda, yang daripadanya anda telah (jika berkenaan) memperoleh persetujuan untuk mendedahkan Maklumat Peribadi mereka kepada Liberty General Insurance Berhad.*
- *"kami" merujuk kepada Liberty General Insurance Berhad.*
- *"anda" merujuk kepada anda dan, jika berkenaan, pihak lain yang diinsuranskan oleh anda.*

JENIS MAKLUMAT PERIBADI YANG KAMI KUMPUL DAN CARA KAMI MENGUMPULNYA

Bagi membolehkan kami mengendalikan pertanyaan anda, membuka dan mengendalikan polisi insurans untuk anda dan/atau secara amnya menyediakan produk dan perkhidmatan insurans kami kepada anda ("produk dan perkhidmatan"), kami mungkin perlu dan/atau dikehendaki untuk mengumpul, menggunakan, mendedahkan dan menyimpan (iaitu "memproses") maklumat peribadi dan maklumat kewangan tentang anda, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

a. maklumat peribadi untuk menentukan identiti dan latar belakang anda;
b. maklumat peribadi untuk menentukan kedudukan kewangan dan kepercayaan kredit anda, jika diperlukan;
c. maklumat peribadi untuk mendapatkan gambaran mengenai kesihatan anda apabila anda ingin mendapatkan polisi insurans berkaitan yang ditawarkan oleh kami; dan/atau
d. maklumat peribadi yang anda berikan apabila anda memohon mana-mana produk dan perkhidmatan kami.

Kami mungkin memperoleh maklumat ini daripada anda dan daripada pelbagai sumber, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

a. melalui hubungan anda dengan kami, contohnya maklumat yang anda berikan dalam borang permohonan, semasa menggunakan produk atau perkhidmatan kami, semasa menggunakan perkhidmatan dalam talian atau elektronik kami, dan semasa menyertai tinjauan pelanggan, pertandingan dan promosi;
b. melalui komunikasi lisan, bertulis dan/atau elektronik anda dengan kami dan/atau ejen sah kami;
c. daripada pihak ketiga yang berkaitan dengan anda, seperti majikan anda dan/atau pihak lain yang diinsuranskan oleh anda;
d. daripada analisis akses dan penggunaan produk dan perkhidmatan kami oleh anda, tuntutan yang anda buat, serta bayaran yang dilaksanakan melalui atau bagi polisi insurans anda;
e. maklumat apabila anda melawati laman web kami atau menggunakan aplikasi mudah alih, seperti masa dan tempoh lawatan anda ke laman dalam talian kami, alamat Protokol Internet (IP) dan halaman web yang anda lawati dalam laman kami bagi menjejaki penggunaan serta menambah baik laman web dan pengalaman anda;
f. daripada sumber lain yang berkenaan dengannya anda telah memberikan persetujuan untuk mendedahkan maklumat berkaitan anda dan/atau yang tidak disekat selainnya.

Sekiranya anda memberikan kepada kami maklumat peribadi yang berkaitan dengan pihak ketiga, anda mengesahkan bahawa anda telah memperoleh persetujuan terdahulu mereka untuk memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami selaras dengan Notis Privasi ini, atau anda sebaliknya berhak untuk memberikan maklumat tersebut kepada kami dan membolehkan kami menggunakannya dengan sewajarnya.

CARA KAMI MENGGUNAKAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Selain daripada yang dinyatakan di atas, kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda bagi satu atau lebih tujuan berikut:

a. untuk menilai dan mengurus permohonan anda bagi produk dan perkhidmatan kami;
b. untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui semakan rujukan/laporan kredit;
c. untuk mengurus dan menyelenggara polisi insurans anda dengan kami;
d. untuk mengurus perniagaan kami dan hubungan anda dengan kami dengan lebih baik;
e. untuk memahami dengan lebih baik perlindungan insurans semasa dan keperluan insurans masa hadapan anda;
f. untuk memberikan kepada anda maklumat mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran kami serta pihak ketiga yang mungkin menarik minat atau bermanfaat kepada anda;
g. untuk menambah baik produk dan perkhidmatan kami serta membangunkan produk dan perkhidmatan baharu;
h. untuk memaklumkan anda tentang manfaat dan perubahan kepada ciri produk dan perkhidmatan kami;
i. untuk mentadbir tawaran, pertandingan dan promosi;
j. untuk menjawab pertanyaan dan aduan anda serta menyelesaikan pertikaian secara amnya;
k. untuk mengemas kini, menyatukan dan meningkatkan ketepatan rekod kami;
l. untuk menghasilkan data, laporan dan statistik yang telah dinyahnamakan atau diagregatkan dengan cara yang mungkin tidak mengenal pasti anda secara khusus sebagai seorang individu;
m. untuk menjalankan penyelidikan bagi tujuan analisis termasuk tetapi tidak terhad kepada perlombongan data dan analisis urus niaga anda atau penggunaan produk dan perkhidmatan kami oleh anda;
n. untuk memenuhi keperluan pendedahan dan kewajipan pelaporan yang mengikat Liberty General Insurance Berhad;
o. bagi tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
p. untuk menilai risiko kewangan dan insurans;
q. untuk memindahkan atau menyerah hak hak, kepentingan dan kewajipan kami di bawah mana-mana perjanjian anda dengan kami;
r. untuk melindungi atau menguatkuasakan hak kami bagi mendapatkan semula apa-apa hutang yang terhutang kepada kami;
s. untuk menjalankan semakan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
t. bagi pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah; dan/atau
u. bagi apa-apa tujuan lain yang dikehendaki atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Kami akan meminta persetujuan anda sebelum menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan selain daripada yang dinyatakan dalam Notis Privasi ini dan/atau dalam terma privasi mana-mana perjanjian anda dengan kami.

PENDEDAHAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Sebagai sebahagian daripada penyediaan produk dan perkhidmatan kami kepada anda serta pengurusan dan/atau pengendaliannya, kami mungkin dikehendaki atau perlu mendedahkan maklumat tentang anda dan/atau polisi insurans anda dengan kami kepada pihak ketiga berikut (di dalam atau di luar Malaysia):

a. syarikat dan/atau organisasi yang bertindak sebagai ejen, penyedia perkhidmatan (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyedia perkhidmatan awan) dan/atau penasihat profesional kami;
b. syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami memproses, mentadbir dan/atau dengan cara lain menyempurnakan urus niaga yang anda minta;
c. syarikat dan/atau organisasi yang membantu kami menyediakan perkhidmatan nilai tambah;
d. penasihat (termasuk tetapi tidak terhad kepada ejen, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, broker, pengantara atau penasihat profesional lain);
e. mana-mana orang yang anda maklumkan sebagai diberi kuasa untuk memberikan arahan kepada kami bagi pihak anda;
f. mana-mana pihak ketiga berikutan sebarang penstrukturan semula polisi insurans yang diberikan kepada anda atau penjualan hutang, atau pemerolehan atau penjualan mana-mana syarikat oleh Liberty General Insurance Berhad, dengan syarat bahawa mana-mana penerima menggunakan maklumat anda bagi tujuan yang sama seperti tujuan asal maklumat itu diberikan kepada kami dan/atau digunakan oleh kami;
g. mana-mana agensi penarafan, penanggung insurans bersama, broker insurans, penanggung insurans semula atau penyedia perlindungan kredit;
h. mana-mana orang yang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pemeliharaan mana-mana hak kami di bawah perjanjian anda dengan kami;
i. syarikat subsidiari, sekutu dan bersekutu di bawah Kumpulan Syarikat Liberty Mutual; dan/atau

j. pihak berkuasa berwibawa, agensi penguatkuasaan undang-undang dan/atau pengawal selia.

Tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai kepada Liberty General Insurance Berhad (sama ada di dalam atau di luar Malaysia).

Selain itu, kami akan menganggap maklumat peribadi anda sebagai sulit dan persendirian dan tidak akan mendedahkan maklumat anda kepada sesiapa di luar Liberty General Insurance Berhad kecuali:

a. apabila anda telah memberikan kebenaran;
b. apabila anda tidak memilih untuk menarik diri daripada menerima bahan pemasaran daripada kami atau mana-mana rakan niaga pihak ketiga kami;
c. apabila kami dikehendaki atau dibenarkan berbuat demikian oleh undang-undang;
d. apabila dikehendaki atau dibenarkan oleh apa-apa perintah mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan, yang mempunyai bidang kuasa ke atas Liberty General Insurance Berhad;
e. apabila kami boleh memindahkan hak dan kewajipan di bawah perjanjian kami dengan anda; dan/atau
f. apabila kami dikehendaki memenuhi kewajipan kami kepada mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

MELAKSANAKAN PILIHAN ANDA BERHUBUNG PENDEDAHAN DAN PENGGUNAAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA BAGI TUJUAN PEMASARAN

Kami mungkin menggunakan maklumat peribadi anda untuk memberikan kepada anda maklumat mengenai perkhidmatan dan/atau produk kami serta pihak ketiga yang mungkin menarik minat atau bermanfaat kepada anda, kecuali jika anda meminta sebaliknya.

Dalam keadaan tertentu, kami mungkin mendedahkan maklumat peribadi anda kepada peniaga pilihan dan rakan strategik kami. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa kami hanya akan mendedahkan maklumat peribadi anda kepada peniaga dan rakan strategik kami apabila persetujuan terdahulu anda telah diperoleh dan tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang terpakai kepada kami.

Kami mengambil langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa perjanjian kami dengan peniaga dan/atau rakan strategik kami merangkumi kewajipan privasi dan kerahsiaan yang sewajarnya.

Jika anda tidak mahu maklumat peribadi anda digunakan bagi tujuan pemasaran atau jika anda berubah fikiran berhubung keputusan terdahulu anda, sila hubungi kami melalui maklumat hubungan yang dinyatakan pada akhir Notis Privasi ini. Arahan bertulis terkini anda kepada kami akan terpakai.

PEMPROFILAN

Pemprofilan merupakan salah satu proses penting dalam penawaran insurans. Kami berhak menilai risiko yang anda ingin lindungi melalui insurans, termasuk kebarangkalian dan potensi impak berlakunya kejadian yang diinsuranskan. Kami mungkin menggunakan analisis ini untuk membantu menentukan sama ada untuk menawarkan perlindungan insurans, serta terma, skop perlindungan dan harga yang berkenaan.

Kami juga mungkin akan menggunakan analisis data untuk mengenal pasti potensi penipuan, jenayah kewangan atau risiko keselamatan, mengurus tuntutan, menjalankan analisis aktuari serta menambah baik produk dan perkhidmatan kami.

Semasa menjalankan penilaian wajar yang diperlukan (contohnya pengesahan identity pelanggan ("KYC"), semakan sekatan, penipuan, identiti, kredit atau risiko) terhadap rakan perniagaan, bakal pelanggan dan individu lain yang mungkin berurusan dengan kami, kami mungkin perlu memberikan maklumat terhad anda kepada pembekal pihak ketiga yang membantu kami dalam proses ini. Aktiviti pemprosesan mereka mungkin melibatkan unsur pemprofilan. Kami tidak membuat keputusan secara automatik berdasarkan pemprosesan tersebut.

Walaupun kami menggunakan pemprofilan sebagai salah satu proses dalam membantu kami membuat keputusan, keputusan muktamad akan dibuat oleh salah seorang ahli pasukan kami yang akan mempertimbangkan hasil pemprofilan tersebut bersama faktor lain yang berkaitan.

PENGGUNAAN KECERDASAN BUATAN DAN PEMBELAJARAN MESIN

Kami mungkin menggunakan alat-alat kecerdasan buatan ("AI") (termasuk alat dalaman dan alat pihak ketiga) untuk menyokong aktiviti-aktiviti perniagaan dan operasi kami.

Bergantung pada konteks, kami mungkin menggunakan teknologi ini untuk menyokong aktiviti seperti pengunderaitan, pentadbiran polisi, pembaharuan dan perkhidmatan polisi, pengendalian tuntutan dan pencegahan penipuan, pengurusan pertanyaan pelanggan dan operasi, keselamatan siber dan operasi teknologi maklumat ("IT"), serta pelaporan dan analisis perniagaan. Senarai ini tidak terhad kepada aktiviti- aktiviti yang dinyatakan.

Apabila AI digunakan, ia secara amnya bertujuan untuk membantu kakitangan kami serta meningkatkan kecekapan, ketekalan dan keupayaan analisis. Ia tidak menggantikan pengawasan manusia yang sewajarnya. Keputusan yang boleh menghasilkan kesan undang-undang atau kesan lain yang sama penting terhadap anda tidak akan dibuat semata-mata melalui kaedah automatic melainkan kami telah memaklumkan anda sebaliknya dan pemprosesan tersebut dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai. Seorang ahli pasukan kami akan menyemak dan mempertimbangkan maklumat yang berkaitan sebelum membuat keputusan muktamad.

Apabila bersesuaian dan dibenarkan, kami akan menggunakan maklumat peribadi berkaitan dengan penggunaan alat AI, berdasarkan asas perundangan yang terpakai sebagaimana dibenarkan di bawah undang-undang yang berkaitan. Apabila maklumat peribadi sensitif terlibat, kami akan mematuhi sebarang syarat-syarat tambahan yang dikehendaki oleh undang-undang yang terpakai.

Pemprosesan AI mungkin melibatkan maklumat peribadi diakses atau diproses oleh syarikat-syarikat kumpulan kami, penyedia perkhidmatan atau pembekal teknologi kami, termasuk yang berada di luar negara tempat tinggal anda, seperti di Amerika Syarikat. Apabila ini berlaku, kami akan melaksanakan langkah-langkah perlindungan yang sewajarnya, termasuk klausa kontrak standard atau cara-cara pemindahan setara lain yang dikehendaki oleh undang-undang.

Kami juga mengambil langkah-langkah untuk memastikan alat-alat AI yang kami gunakan tertakluk kepada tadbir urus, kawalan keselamatan, pengujian, pemantauan dan perlindungan kontrak yang sewajarnya, serta digunakan secara berkadar dengan tujuan yang berkaitan.

AI DAN MAKLUMAT BUKAN PERIBADI

Kami juga menggunakan AI dengan data yang tidak mengenal pasti anda secara peribadi, seperti data risiko yang telah dianonimkan, maklumat pasaran, dan data perniagaan yang telah diagregatkan. Walaupun pemprosesan ini secara amnya tidak tertakluk kepada undang-undang perlindungan data, ia tetap tertakluk kepada rangka kerja tadbir urus AI dalaman kami, yang memerlukan pengawasan manusia yang bersesuaian, penilaian keadilan, dan pemantauan berkala terhadap output AI.

Sebagai sebahagian daripada rangka kerja ini, kami melaksanakan kawalan dan proses semakan yang bersesuaian untuk membantu memastikan alat-alat AI beroperasi seperti yang dimaksudkan serta mengenal pasti dan mengurangkan risiko output yang tidak adil, berat sebelah, atau tidak tepat.

PENYIMPANAN DAN KESELAMATAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Maklumat peribadi anda akan dirahsiakan dan mungkin dipegang atau disimpan di peringkat tempatan, serantau atau global, atau dalam sistem berasaskan awan, sama ada di dalam atau di luar Malaysia dan sama ada diuruskan secara dalaman atau dikendalikan secara luaran oleh penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Tanpa mengira tempat maklumat peribadi anda diproses, kami menggunakan perlindungan yang sama seperti yang dihuraikan dalam Notis Privasi ini dan mematuhi undang-undang yang terpakai apabila memindahkan maklumat peribadi anda ke luar Malaysia.

Liberty General Insurance Berhad amat mementingkan keselamatan maklumat peribadi anda. Kami kerap menyemak dan melaksanakan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini semasa memproses maklumat peribadi anda.

PENYIMPANAN MAKLUMAT PERIBADI ANDA

Liberty General Insurance Berhad akan menyimpan maklumat peribadi anda selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian anda dengan Liberty General Insurance Berhad:

a. sepanjang tempoh hubungan anda dengan kami;
b. bagi apa-apa tempoh yang mungkin diperlukan untuk melindungi kepentingan Liberty General Insurance Berhad dan/atau pelanggannya sebagaimana yang dianggap perlu;
c. apabila dikehendaki selainnya oleh undang-undang; dan/atau
d. apabila dikehendaki oleh dasar berkaitan Liberty General Insurance Berhad.

BAGAIMANA JIKA MAKLUMAT PERIBADI YANG ANDA BERIKAN TIDAK LENGKAP

Apabila dinyatakan (contohnya dalam borang permohonan insurans), anda wajib memberikan maklumat peribadi anda kepada kami untuk membolehkan kami memproses permohonan anda bagi produk atau perkhidmatan kami. Sekiranya anda enggan memberikan maklumat peribadi wajib tersebut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan/permintaan anda atau menyediakan produk atau perkhidmatan kami kepada anda.

HAK PRIVASI ANDA

Kami boleh membantu anda mengakses dan membetulkan maklumat peribadi yang anda berikan kepada kami.

Sekiranya anda ingin mengakses maklumat peribadi anda yang berada dalam milikan Liberty General Insurance Berhad, atau anda berpendapat bahawa maklumat peribadi tersebut yang dipegang oleh kami adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau, jika berkenaan, tidak terkini, anda boleh membuat permintaan kepada kami dengan menghubungi cawangan kami atau mana-mana pengurus perhubungan yang biasanya berurusan dengan anda. Sebagai alternatif, anda boleh membuat permintaan tersebut masing-masing melalui Borang Permintaan Akses Data atau Borang Permintaan Pembetulan Data kami. Borang-borang ini boleh didapati di Ibu Pejabat, cawangan atau laman web korporat kami.

Kemudahalihan Data: Dalam keadaan tertentu, anda juga boleh meminta Liberty General Insurance Berhad memindahkan data peribadi yang anda berikan kepada pihak ketiga, tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian data.

Anda juga boleh membantu kami memastikan maklumat peribadi anda (seperti alamat surat-menyurat semasa anda) sentiasa terkini, kerana ini akan membolehkan kami memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada anda.

MENARIK DIRI DARIPADA MENERIMA PEMASARAN LANGSUNG

Kami di Liberty General Insurance Berhad komited untuk memastikan permintaan pelanggan kami supaya tidak menerima bahan pemasaran melalui e-mel, mesej teks atau panggilan telefon dipatuhi.

Sila lengkapkan Borang Tarik Diri daripada Pemasaran Langsung yang disediakan di Ibu Pejabat, cawangan atau laman web korporat kami, dan senaraikan nombor telefon serta alamat e-mel yang ingin anda tarik diri.

Borang yang telah lengkap boleh dikemukakan melalui e-mel kepada customer@libertyinsurance.com.my atau customer@amassurance.com.my atau customer@kurnia.com, atau terus kepada mana-mana pejabat cawangan Liberty General Insurance Berhad.

Sekiranya anda berubah fikiran dan ingin menerima bahan pemasaran semula, sila hantarkan permintaan bertulis anda kepada customer@libertyinsurance.com.my atau customer@amassurance.com.my atau customer@kurnia.com dan Pegawai Khidmat Pelanggan akan menghubungi anda untuk mengesahkan permintaan anda. Semua permintaan akan diproses dalam tempoh 5 hari bekerja.

PINDAAN KEPADA NOTIS PRIVASI

Notis Privasi ini mungkin dipinda dari semasa ke semasa. Notis mengenai apa-apa pindaan tersebut akan diberikan di laman web Liberty General Insurance Berhad dan/atau melalui apa-apa cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh Liberty General Insurance Berhad.

PERTANYAAN / ADUAN / KOMUNIKASI

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau aduan berkaitan Notis Privasi ini atau ingin mendapatkan salinan borang yang dinyatakan di atas, sila hubungi kami pada waktu pejabat (Isnin hingga Khamis – 8.30 pagi hingga 5.30 petang). Kami akan berusaha secara munasabah untuk memenuhi permintaan anda bagi mengakses atau membetulkan maklumat peribadi anda dalam tempoh 21 hari selepas menerima Borang Permintaan Akses Data/Borang Permintaan Pembetulan Data yang telah dilengkapkan dengan sewajarnya serta fi pemprosesan yang berkaitan (jika ada).

Jawatan: Eksekutif Khidmat Pelanggan, Pusat Perhubungan Pelanggan
Telefon: 1 300 88 8990
E-mel: customer@libertyinsurance.com.my
Alamat: Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Jawatan: Eksekutif Khidmat Pelanggan, Pusat Perhubungan Pelanggan
Telefon: 1 800 88 6333
E-mel: customer@amassurance.com.my
Alamat: Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Jawatan: Eksekutif Khidmat Pelanggan, Pusat Perhubungan Pelanggan
Telefon: 1 800 88 3833
E-mel: customer@kurnia.com
Alamat: Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur

Anda juga boleh menghubungi Pegawai Perlindungan Data kami melalui e-mel di data.protection@libertyinsurance.com.my.

Untuk butiran hubungan penuh Pegawai Perlindungan Data kami, serta versi terkini Notis Privasi ini dan borang-borang yang dinyatakan di atas, sila layari laman web berikut:

- https://www.libertyinsurance.com.my/resources/pdpa
- https://www.amassurance.com.my/content/privacy-policy-documents
- https://www.kurnia.com/privacy-policy-documents

Kemas Kini Terakhir: September 2026